

EHWAL ANTARABANGSA

KISAH MANGSA KEKEJAMAN TENTERA MYANMAR



Keadaan di dalam sebuah rumah pelarian etnik Rohingya di Patiya, penempatan setinggan di Chittagong, Bangladesh.



Toyibah (belakang) bersama keluarga pelarian etnik Rohingya yang baru tiba di Dohazari selepas lari dari kekejaman tentera Myanmar di wilayah utara Rakhine.



TABUNG KEMANUSIAAN
ROHINGYA
 MEDIA PRIMA

SUMBANGAN ANDA BOLEH DISALURKAN KE
AKAUN MAYBANK:
5642 7652 2630

ATAU MELALUI CEK ATAS NAMA
 TABUNG KEMANUSIAAN ROHINGYA MEDIA PRIMA

SUMBANGAN KE ATAS TABUNG
 INI ADALAH TIDAK DIKECUALIKAN CUKAI



Anak Rohingya tetap timba ilmu di kem pelarian

BH
22/12/16
mls-4-5

di Maungdaw mengatakan ketika tentera tiba, mereka bertanggungjawab (militan) sudah lari dari kawasan itu," kata Pengarah Jaringan Hak Asasi Burma (BHRN), Kyaw Win ketika mengulas insiden kekejaman di barat Myanmar.

Operasi tentera menyebabkan ribuan pelarian lari menyeberang sempadan Bangladesh-Myanmar yang hanya dipisahkan Sungai Naf. Ada dalam kalangan mereka mati lemas selepas bot dinaiki dihala pulang Pengawal Sempadan Bangladesh (BGB).

Hidup dalam ketakutan

Toyibah dan dua anaknya Anwar dan Nur Farouq, 8, berjaya menyeberangi sempadan pada 29 November lalu. Namun suaminya, Ubadillah Haqim, 45, gagal menyelamatkan diri dan terperangkap di Buthidaung bersama empat lagi anak mereka.

"Mereka masih hidup tapi dalam ketakutan," kata Toyibah merujuk kepada suaminya yang berjaya dihubungi melalui telefon beberapa hari lalu.

Penulis menemui Toyibah dan empat lagi keluarga Rohingya di pejabat Abdullah Noman Beg, pemimpin di Dohazari, yang membantu pelarian Rohingya yang baru tiba mendapatkan dokumen sementara bagi membolehkan mereka bekerja dan belajar.

"Mereka (etnik Rohingya) tinggal di sini lima hingga enam tahun,

kami dan tembak semua orang. Kami lari ke bukit," katanya kepada penulis ketika ditemui di Dohazari, kem pelarian tidak rasmi yang dibina di atas tanah persendirian bersebelahan dengan Sungai Sangu, Bangladesh.

Ibu kepada enam orang anak itu antara 200 keluarga etnik Rohingya yang baru tiba di Dohazari sejak Oktober lalu.

Sekurang-kurangnya 30,000 pelarian Rohingya hilang tempat tinggal selepas rumah mereka di wilayah utara Rakhine di Maungdaw, Buthidaung dan Rathidaung dibakar Tentera Myanmar dalam operasi berdarah yang menyaksikan penduduk awam ditembak mati.

Pencabulan hak asasi

Sehingga hari ini, lebih 80 etnik Rohingya dilaporkan terkorban dengan badan hak asasi manusia mendakwa berlakunya pencabulan hak



**Syed Azwan
Syed Ali**

syedazwan@bh.com.my

Chittagong, Bangladesh

Anwar Farouq yang berusia tiga tahun masih terlalu muda untuk memahami apa diperkatakan ibunya yang juga pelarian etnik Rohingya dari Myanmar yang berjaya menyelamatkan diri dari kekejaman Tentera Myanmar di Buthidaung, wilayah utara Rakhine bulan lalu.

Anak kecil itu leka bermain belon di atas dukungan ibunya, Toyibah Katu, 40-an, yang menangis hiba ketika berkongsi detik pengusiran mereka akhir bulan lalu sebelum tiba di Dohazari, kira-kira 200 kilometer dari sempadan Bangladesh-Myanmar.

"Tentera datang ke kampung

➔ Sekolah daif, kurang kemudahan tak lemahkan semangat mangsa kekejaman

→ EHWAL ANTARABANGSA


BH PLUS

 di www.bharian.com.my
 untuk lebih gambar dan video


Bantuan yang kami dan NGO lain bawa dihalang tentera Myanmar untuk terus masuk ke Rakhine. Kami tidak dibenarkan masuk. Pihak tentera berkata mereka sendiri akan menghantar bantuan berkenaan”

Zahidi Zainul Abidin,
 Pengerusi Institut Kerjasama
 Islam Antarabangsa
 Malaysia

Tentera, sami bolot bantuan kemanusiaan

Kuala Lumpur: Usaha membawa masuk bantuan untuk etnik Rohingya sejak enam tahun lalu sia-sia akibat sebahagian besar daripadanya dibolot pihak tentera dan sami Buddha Myanmar.

Pengerusi Institut Kerjasama Islam Antarabangsa Malaysia (IKIAM), Zahidi Zainul Abidin, mendakwa tentera Myanmar mengenakan ‘cukai’ terhadap bantuan luar yang ingin disalurkan ke wilayah Rakhine.

Beliau berkata pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terbabit dalam misi itu kecewa ekoran bantuan yang dihantar dikongsi secara haram oleh tentera dan sami Myanmar.

“Bantuan yang kami dan NGO lain bawa dihalang tentera Myanmar untuk terus masuk ke Rakhine.

Tidak dibenarkan masuk

“Kami tidak dibenarkan masuk. Pihak tentera berkata mereka sendiri akan menghantar bantuan berkenaan,” katanya selepas sesi pertemuan dengan sembilan NGO Rohingya di sini, semalam, yang dihadiri sama Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Selain itu, Zahidi berkata IKIAM akan bekerjasama dengan pemerintah Indonesia dan Bangladesh bagi memu-

Nargis (kiri) mengajar kanak-kanak pelarian Rohingya di kelas yang diubah suai daripada bangsal di Kem Dohazari, Chittagong, Bangladesh.



selepas itu mereka perlu berdikari sendiri," kata Abdullah sambil menegaskan Bangladesh membantu sekadar termampu, namun tidak boleh membuka sempadan bagi mengelak kebanjiran etnik Rohingya dari Myanmar.

Pelarian Rohingya seperti Toyibah dan Mariam tidak mempunyai dokumen menyebabkan mereka terdedah kepada eksploitasi, penindasan dan pemerdagangan manusia.

"Mereka hidup dalam keadaan daif di Bangladesh tetapi lebih baik dari mati di Myanmar. Kalau di Myanmar mereka langsung tidak boleh belajar, di sini mereka ada harapan," kata aktivis Bangladeshanya mahu dikenali sebagai Mohamed yang turut membantu kelompok itu dari sudut pendidikan.

Madrasah diharamkan

Mohamed yang bekerja dengan sebuah yayasan di Chittagong mendakwa Kerajaan Myanmar hanya membenarkan anak-anak Rohingya belajar sehingga tahap empat (umur enam hingga 10 tahun), manakala sistem persekolahan bertekankan Islam seperti Madrasah diharamkan.

"Itupun anak-anak Rohingya kena tukar nama Burma. Mereka tidak boleh pakai nama Islam," kata Mohamed menegaskan anak-anak Rohingya dinafikan peluang pendidikan menyebabkan masa depan suram bagi etnik yang tidak di-

iktiraf di Myanmar itu berdasarkan *Citizenship Law 1982*'.

Majoriti pelarian Rohingya menetap di kampung dan bukannya bandar seperti Sittwe (ibu kota Rakhine) menyebabkan pendidikan mereka terbantut. Mereka juga dilarang bergerak dari kawasan ke kawasan lain walaupun bertujuan melanjutkan pelajaran.

Mohamed berkata, anak-anak Rohingya di Bangladesh, boleh belajar di sekolah persendirian dengan bayaran yuran 300 taka (RM17) sebulan yang kebiasaannya dibiayai badan kebajikan tempatan, yang mendapat suntikan dana dari organisasi asing.

"Rohingya ada masa depan di sini tetapi perlu bantuan masyarakat antarabangsa. Apa-apapun penyelesaian sebenar adalah untuk menghentikan penindasan di Myanmar," kata Mohamed merujuk kepada anak pelarian Rohingya seperti Anwar Farouq.

Kira-kira 30 minit sebelum menemui Toyibah, penulis sempat memasuki Dohazari yang didiami lebih 1,200 keluarga etnik Rohingya. Kebanyakan pelarian dari Myanmar ini mula memasuki Dohazari sejak pertengahan 1990-an sehinggalah membentuk komuniti mereka sendiri.

Jika dibandingkan dengan komuniti Rohingya yang ada di Selayang dan Cheras di Malaysia yang tinggal di pangsapuri kos rendah, pelarian Rohingya di sini hidup di kawasan

setinggal daif yang bergantung kepada sungai dan telaga untuk bekalan air bersih.

Lorong antara rumah-rumah berding buh beratap zink di Dohazari pula seluas sedepa. Sebaik memasuki kem pelarian tidak rasmi itu, penulis dan tiga rakan aktivis dari Bangladesh dan Malaysia disambut anak-anak pelarian Rohingya yang tidak berbaju selepas mandi di Sungai Sangu.

Sekolah dalam bangsal

Penulis sempat meninjau sebuah bangsal dengan keluasan anggaran lapan meter panjang dan enam meter lebar, yang dibahagikan kepada dua bahagian. Di dalam bangsal itu, ada kira-kira 40 anak-anak pelarian Rohingya yang sedang duduk di meja kayu ditemani dua orang dewasa.

"Kami ada lima ratus pelajar di sini, dari pra-sekolah hingga gred lima (11 tahun)," kata Nargis Sekta, 34, yang mengajar di sekolah itu menyebabkan penulis merasa sebak apabila menyedari bangsal buruk itu rupanya sebuah sekolah untuk anak-anak Rohingya di Dohazari.

Di sekolah daif ini, anak-anak Rohingya seperti Anwar dan Nur Farouq, yang lari dari penindasan akan diajar subjek Bahasa Ingeris, Matematik, Geografi, Sejarah dan Bahasa Burma dengan harapan suatu masa nanti, mereka akan pulang ke Myanmar.



Kita berharap bantuan itu dapat disampaikan kepada masyarakat Islam di sana, sekiranya perlu kita akan tubuhkan DMDI di Myanmar atau Bangladesh segera untuk membantu menyelesaikan masalah ini"

Mohd Ali Rustam,
Presiden Dunia Melayu
Dunia Islam

dahkan proses penyampaian bantuan termasuk menubuhkan kem pelarian di negara berkenaan.

Sementara itu, Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), Tan Sri Mohd Ali Rustam, berkata DMDI dan Pertubuhan Kebajikan Serantau Muslim (Serantau Muslim) akan bersama NGO Islam lain menghantar bantuan *Food Flotilla For Myanmar* kepada etnik Rohingya, Januari ini.

Perjuangkan nasib saudara Islam

Katanya, usaha itu sebagai tanda menyokong dan memperjuangkan nasib saudara Islam di Arakan, Myanmar itu dan menghentikan kezaliman terhadap negeri Rakhine.

"Sebanyak 1,000 tan makanan, bantuan perubatan, kit kebersihan dan barangan keperluan harian akan disalurkan kepada etnik Rohingya bersama-sama Kelab Putra 1Malaysia (KP1M).

"Kita berharap bantuan itu dapat disampaikan kepada masyarakat Islam di sana. Sekiranya perlu kita akan tubuhkan DMDI di Myanmar atau Bangladesh segera untuk membantu menyelesaikan masalah ini," katanya pada Penyerahan Sumbangan Kutipan Forum Antarabangsa Rohingya Stop Genocide, di sini.

Pada majlis turut dihadiri wakil 20 negara DMDI berkenaan, kira-kira RM5,000 diagihkan kepada *Food Flotilla For Myanmar*; Tabung Rohingya Media Prima dan Tabung Rohingya Utusan-TH, masing-masing sebanyak RM3,200. Yang hadir sama, Presiden Pertubuhan Hak Asasi Manusia Etnik Rohingya Myanmar Malaysia (MERHROM), Zafar Ahmad Abdul Ghani dan Timbalan KP1M, Datuk Mohd Farid Hassan.